

- ❑ Ketahuilah bahawa kedengkian kamu tidak memberi kesan kepada mahsud, juga tidak mengurangkan apa-apa kelebihan yang ada padanya. Kamu akan sentiasa menderita kesakitan, sedangkan mahsud akan tetap merasai kegembiraan dan kenikmatan. Di akhirat nanti, kedengkian kamu akan memberi manfaat kepada mahsud.
- ❑ Paksa diri kamu untuk berkasih sayang dengan mahsud. Kebaikan kamu akan mengubati hasad yang ada di dalam hati kamu. Dalaman hati kamu akan menyuruh kamu berbuat jahat kepada mahsud. Lawanlah bisikan ini dan berbaiklah dengan dia. Kamu mesti menghormatinya, dan lama kelamaan, yakinkan hati kamu untuk melakukan perkara ini.
- ❑ Lihatlah kemuliaan yang beliau miliki sebagai rezeki Allah kepadanya. Paksa diri kamu untuk memuji dirinya, dan memastikan kualiti miliknya diketahui oleh orang lain. Permulaannya sememangnya susah, kerana berlainan dengan apa yang hati kamu mahukan, bagaimanapun, InsyaAllah, setiap hari berlalu, ini akan menjadi realiti, dan hati kamu akan mengikuti apa yang dituturkan oleh lidak kamu dalam hal ini.
- ❑ Yakinkan diri kamu, bahawa kelebihan yang ada pada mahsud adalah kurniaan Allah padanya, dan mungkin ada sebabnya Allah memilih beliau untuk memiliki kelebihan ini, yang kamu tidak memilikinya(sekarang)
- ❑ Nauzubillah, jika mahsud yang kamu dengki itu adalah dari kalangan para alim ulama yang dikurniakan ilmu dan kezuhudan, kamu mesti memahami bahawa mereka adalah antara pilihan Tuhan, dan diberi kemuliaan yang tinggi. Cuba membina cinta dan keredhaan terhadap mereka.
- ❑ Dalam mana peringkat rawatan kamu, jangan sesekali memikirkan bahawa penyakit moral ini tidak boleh diubati, pemikiran salah ini adalah ciptaan syaitan dan nafsu yang ingin mengecewakan usaha kamu dalam perubatan ini. Berharaplah kepada Allah, yang telah berjanji untuk memimpin jalan kepada mereka yang berjihad di jalannya. (Al-Khumayni, 40 Hadith, Bab 5 'Hasad')

### **Kesimpulan:**

Hasad adalah satu penyakit yang mempunyai kesan yang sangat buruk kepada psikologi, moral dan kepada masyarakat secara umumnya. Syukur, dengan keimanan dan keikhlasan, ia adalah sesuatu yang dapat diubati. Seorang yang beriman adalah seorang yang optimistik dan sentiasa bersyukur dengan nikmat yang telah diberi.

- ❑ Imam Ali (a) berkata: "Seseorang yang meninggalkan hasad adalah seorang yang disayangi oleh manusia" (Al-Majlisi, Bihar al-Anwar, vol. 77, ms. 237, hadith no. 1)

**Untuk mengetahui tentang Islam yang sebenar, sila lawat:**

**<http://al-islam.org/faq/>**

Atau patutkah mereka dengki kepada manusia (Nabi Muhammad dan umatnya) disebabkan nikmat (pangkat Nabi dan agama Islam) yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka dari limpah kurniaNya?  
(Qur'an, 4:54))

Imam Sadiq(as) meriwayatkan, bahawa Allah swt berfirman kepada Musa bin Imran seperti berikut:

"Wahai Ibnu Imran, janganlah mencemburui orang lain tentang nikmat yang telah Aku berikan kepada mereka, jangan memandang mereka dengan marah. Sesungguhnya, orang yang dengki itu adalah orang yang jahil tentang nikmat yang telah aku berikan kepada mereka, dan mempertikaikan agihan rezeki di antara ciptaan Ku. Sesiapa yang bersikap begini, maka dia bukanlah dari Ku, dan Aku juga bukan dari(kalangan) dia."

[Al-Kulayni, Usul al Kafi, vol. 2, hal. 307, Bab al-Hasad, hadith no. 6]

## Penyakit Hati...

# Dengki (*Hasad*)

Hasad, atau sifat kedengkian adalah satu keadaan psikologi seseorang yang menginginkan agar seseorang yang lain ditarik semula rezeki, kelebihan, bakat, kurniaan dan kemuliaan yang dimiliki(mahsud). Ajaran akhlak Islam punca-punca hasad, serta kesan buruknya kepada kerohanian, moral dan masyarakat. Islam juga memberi jalan penyelesaian praktikal untuk mengubati penyakit jiwa ini.

## Penyebab dan Motif Hasad

Kualiti atau kelebihan yang dimiliki oleh orang lain seperti kecerdikan, keilmuan, kerohanian, kezuhudan, atau sifat luaran seperti kemuliaan, kekayaan boleh menyebabkan hasad. Hampir semua sebab wujudnya perasaan hasad, adalah kerana adanya sifat rendah diri dan serba kekurangan. Apabila seseorang itu melihat orang lain sebagai lebih sempurna dari dirinya, maka sifat kekurangan akan menguasai dirinya, yang jika ditambah dengan beberapa faktor luaran dan dalaman, akan menyebabkan wujudnya perasaan cemburu di dalam hatinya.

al Allamah al Majlisi telah menyatakan 7 sebab wujudnya hasad. Sebab-sebab ini adalah seperti berikut:

- ❑ Permusuhan: Hasad boleh disebabkan oleh permusuhan. Contohnya, permusuhan dengan keluarga yang lain boleh menyebabkan kita cemburu dengan kejayaan mereka.
- ❑ Perasaan besar diri: Perasaan besar diri, dan menyangka dirinya berkuasa akan menyebabkan timbul hasad apabila ada orang lain yang mencabar kekuasaannya
- ❑ Bangga Diri: Apabila melihat orang lain, yang dilihat sebagai tidak setaraf dengan dirinya mendapat sesuatu, keadaan ini akan menimbulkan hasad. Contohnya, seorang kaya melihat dengan penuh kedengkian apabila melihat seorang miskin menerima begitu banyak penghormatan, sedangkan beliau menyangka dirinya lebih layak untuk penghormatan itu.
- ❑ Takut dan Cintakan Kekuasaan: Seseorang yang pendengki, akan merasa takut apabila terdapat halangan dari seseorang lain yang memiliki dan menikmati kelebihan, bakat atau kemuliaan. Perasaan takut ini muncul apabila kita dalam proses mendapatkan kekuasaan, dan kita mahukan semua kelebihan yang tidak dimiliki orang lain. Contohnya, begi seseorang yang berkeinginan dilantik sebagai ketua, sudah tentu dia tidak mahu ada orang lain yang menunjukkan kemahiran dalam memimpin dan kepetahan dalam berkata-kata yang boleh menyebabkan kedudukannya tercabar
- ❑ Sifat kejam dan ganas: Seorang manusia yang ganas tidak menyukai orang lain menikmati apa sahaja kebaikan. Orang seperti ini sentiasa menyambut berita gembira yang diperoleh oleh orang lain, dengan perli, sifat pesimis dan kutukan

## Kesan buruk Hasad

Dengki adalah salah satu dari penyakit hati yang paling berbahaya dan ia menghasilkan kejahatan seperti kemunafikan, mengumpat, mengugut, menyeksa dan berbagai lagi dosa besar. Keadaan yang teruk ini menyebabkan hati manusia begitu gelap sehingga ia memberi kesan kepada dunia dalam dan luar seseorang itu. Hasad yang ada di dalam hati itu menyebabkan si pendengki menjadi buta kepada kemuliaan yang dimiliki oleh orang yang didengki dan menyebabkan beliau sentiasa tidaka gembira dengan kurniaan Allah kepada yang didengki. Cahaya spiritual dan ketuhanan yang membuatkan hati seorang manusia menjadi hebat tidak dapat bergerak seiringan dengan kegelapan yang disebabkan oleh hasad. Hati menjadi sedih dan tertekan, dada menjadi sempit dan sesak dan wajah menjadi serius dan tidak gembira. Lebih kuat keadaan ini, meka lebih banyaklah cahaya keimanan akan hilang dari hati.

- ❑ Rasul (sawa) bersabda: “Waspadalah! Jangan bermusuhan kerana nikmat Allah.” Bila baginda ditanya tentang maksud kenyataan itu, Rasul menjawab: "Iaitu orang-orang yang dengki." (Al-Mu` tazali, Sharh Nahj al-Balagha, vol.1, ms. 315)
- ❑ Imam Ali (a) berkata: “Dengki adalah perangkap besar syaitan.” (Al-Amadi, Gharar al-Hakam wa darar al-Kalam, hadith no. 1133)
- ❑ Imam Ali (a) berkata: “Seorang Hasid ialah seorang yang sakit, walaupun fizikalnya sihat(Gharar, hadith no. 1963)
- ❑ Imam Ja`far al-Sadiq (a) berkata: “Syaitan berkata kepada tenteranya: “Hasutlah dengki dan pengingkaran di hati Bani Adam kerana ia seperti syirik di mata Allah swt.” (Al-Kulayni, Usul al-Kafi, vol. 2, ms. 327, Bab al-Baghy, hadith no. 2)
- ❑ Imam Ja`far al-Sadiq (a) meriwayatkan bahawa Luqman (a) berkata kepada anaknya: “Terdapat 3 ciri seorang hasid: (1)Mengumpat di belakang (2) Pembodek di hadapan (3) Beliau gembira apabila malang menimpa yang didengki(Al-Saduq, Al-Khisal, ms. 121, hadith no. 113)

## Ubat untuk penyakit ini

Jika kamu menghadapi penyakit ini, bermuhasabahlah secara serius tentang betapa teruknya kesan penyakit ini kepada iman kamu. Pertimbangkanlah langkah-langkah berikut agar dapat membuang penyakit dari hati kamu: